

# MEGA STAR FURNISHING CENTRE

*DISEDIAKAN UNTUK:*

**ENCIK NOORDIN BIN ALI  
PENSYARAH ETR 300**

*DISEDIAKAN OLEH:*

**NOOR HAMIZEE BIN HASNAN  
95288344**

**MOHD. NAZRI BIN SALIM / BAKAR  
95410103**

**MOHD.FADIL BIN MOHD. GHAZALI  
95366133**

**MEGAT NOR RASHID BIN MEGAT RAMLI  
95219334**

**ASWADY BIN ZAINOL  
95283143**

# ISI KANDUNGAN

## PERKARA

## MUKASURAT

PENGHARGAAN.....	1
MATLAMAT DAN STRATEGI SYARIKAT .....	2
LOGO DAN KETERANGAN.....	4
PENGENALAN DAN TUJUAN .....	7
LATAR BELAKANG PROJEK.....	9
PERJANJIAN PERKONGSIAN.....	10
LATAR BELAKANG RAKAN KONGSI.....	13
RANCANGAN PENTADBIRAN .....	18
RANCANGAN PEMASARAN.....	27
RANCANGAN OPERASI.....	45
RANCANGAN KEWANGAN.....	64
RUMUSAN.....	75
LAMPIRAN .....	76

## PENGENALAN

Selaras dengan perkembangan penduduk dan pembangunan yang pesat di pusat bandar di Alor Star khususnya dan di seluruh negara amnya telah mendorong ramai usahawan-usahawan tanahair untuk menceburkan diri dalam bidang perniagaan.

Perkembangan di dalam perusahaan perabot di negara ini amatlah menggalakkan. Berdasarkan faktor permintaan yang tinggi di kalangan penduduk, telah membuktikan bahawa perusahaan ini mempunyai kepentingan tersendiri. Di atas inisiatif inilah maka Mega Star Furnishing Centre ditubuhkan untuk sama-sama bersaing di dalam arus perniagaan perabot lain yang sedia ada.

Kelainan yang ditampikan Mega Star Furnishing Centre berbanding dengan perusahaan perabot lain telah memberi keyakinan kepada kami bahawa syarikat ini mampu pergi lebih jauh lagi pada masa hadapan.

## TUJUAN

Rancangan Perniagaan ini bertujuan untuk membantu pihak kami dalam menganalisa projek yang akan diusahakan ini samada ianya berpontensi, realistik, praktikal dan budaya maju untuk dilaksanakan. Ianya juga adalah untuk memastikan projek kami ini mampu memberikan keuntungan atau pulangan modal yang telah diramalkan dan seterusnya menjadi garis panduan yang terbaik dalam mentadbir dan membuat keputusan yang efektif bagi memastikan kejayaan perniagaan ini.

Selain daripada itu, kami juga memerlukan sumber-sumber sokongan dan modal agar ianya akan membolehkan kami memulakan dan seterusnya memastikan perkembangan projek perniagaan ini. Jesteru itu tujuan utama penyediaan Rancangan Perniagaan ini ialah untuk:

- 1). Meyakinkan pihak institusi kewangan untuk mendapatkan kemudahan pinjaman dan kepercayaan penuh kepada pihak institusi kewangan untuk membayar balik pinjaman dalam masa yang ditetapkan.
- 2). Meyakinkan pihak pembekal terhadap kemantapan pihak kami dalam mendapatkan kemudahan kredit dari pihak pembekal terhadap pembelian alatan-alatan yang diperlukan.
- 3). Memberikan keyakinan kepada pihak pelanggan terhadap kemampuan pihak kami dalam membekalkan barangan mengikut permintaan dan jadual yang ditetapkan.
- 4). Untuk meyakinkan pekerja dan kakitangan yang berkemahiran atas kemampuan projek perniagaan ini untuk berkembang maju dan menjamin masa depan dan kebajikan pekerja.

## LATAR BELAKANG PERNIAGAAN

**NAMA SYARIKAT** : **MEGA STAR FURNISHING CENTRE**  
**ALAMAT SYARIKAT** : **LOT 1510 JLN. BERJAYA SATU**  
**SEBERANG JALAN PUTRA**  
**ALOR SETAR**  
**KEDAH**  
**ALAMAT SURAT MENYURAT** : **-SDA-**  
**NOMBOR TELEFON** : **04-7304862**  
**BENTUK PERNIAGAAN** : **PERKONGSIAN**  
**KEGIATAN SYARIKAT** : **MENJUAL PERABOT**  
**TARIKAH MEMULAKAN**  
**PERNIAGAAN** : **1 HB. JANUARI 2000**  
**TARIKH PENDAFTARAN** : **5 FEBRUARI 1999**  
**NOMBOR PENDAFTARAN** : **DALAM PROSES**  
**MODAL PERMULAAN** : **MODAL SENDIRI RM 180000**  
**PINJAMAN RM 200000**  
**BANK** : **MAYBAN FINANCE**  
**NO. AKAUN SYARIKAT** : **100843-09001-0**